



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

MESTECC MENERUSKAN KESINAMBUNGAN PENCAPAIAN 2019 DENGAN MELANCARKAN 130 INISIATIF MESTECC 2020: KUASAI. LAKSANA. UNGGULI

11 Februari 2020, KUALA LUMPUR – Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) hari ini melancarkan 130 Inisiatif MESTECC 2020 dengan tema yang dikekalkan daripada Inisiatif MESTECC 2019 iaitu **Kuasai. Laksana. Ungguli (Own It. Do It. Ace It)**. Inisiatif 2020 ini meningkat hampir sekali ganda daripada jumlah Inisiatif yang telah dilaksanakan pada tahun 2019, iaitu sebanyak 73 Inisiatif. Inisiatif MESTECC 2020 dilancarkan oleh YB Yeo Bee Yin, Menteri MESTECC.

Tema **Kuasai. Laksana. Ungguli (Own It. Do It. Ace It)** yang sedia ada dikekalkan kerana ia *relevan*, sehati dan telah menjadi budaya kerja warga MESTECC sejak ia dilancarkan tahun lalu. **Own It** memberi

gambaran agar warga MESTECC mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap tugas yang diamanahkan oleh rakyat, **Do It** bermakna bekerja secara efektif dan **Ace It** bermakna warga kerja perlu terus mengungguli kesemua Inisiatif tersebut iaitu menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang awam.

Inisiatif MESTECC pada tahun 2020 akan dilaksanakan dalam **5 kategori mengikut sektor di dalam MESTECC iaitu Sektor Tenaga, Sektor STI, Sektor Alam Sekitar & Perubahan Iklim, Sektor Perancangan Strategik & Antarabangsa dan Sektor Pengurusan.**

Daripada 130 Inisiatif tersebut, Sektor Tenaga menggariskan 32 inisiatif, Sektor Sains Teknologi dan Inovasi (STI) merangkumi 31 inisiatif, Sektor Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menggariskan 40 inisiatif; manakala dua sektor sokongan iaitu Sektor Perancangan Strategik & Antarabangsa dengan 14 inisiatif dan Sektor Pengurusan dengan 13 inisiatif.

Kesemua inisiatif-inisiatif yang telah digariskan adalah selari dengan agenda dan aspirasi **Wawasan Kemakmuran Bersama Negara** iaitu memastikan semua rakyat menikmati kekayaan dan kemakmuran ekonomi negara secara adil dan saksama. Menerusi pelan inisiatif ini, MESTECC akan mengutamakan pelaksanaan program dan inisiatif yang memberi manfaat kepada rakyat serta meningkatkan daya saing negara. Inisiatif memberi tumpuan kepada menyediakan impak kepada rakyat dalam bidang keutamaan negara iaitu tenaga, sains, teknologi, alam sekitar dan perubahan iklim, pembangunan sosio ekonomi negara dan bersifat inklusif.

Pemantapan tadbir urus organisasi melalui perancangan, pemantauan dan penilaian seperti pelaksanaan Pelan Strategik MESTECC 2021-2025 turut diberi perhatian dalam Inisiatif MESTECC 2020 ini.

YB Yeo Bee Yin turut merasmikan Sistem Pengurusan dan Pemantauan Inisiatif MESTECC iaitu sistem *Intelligent-Analysis, Evaluation and Real Time Solutions* atau **i-ALERTS**. Ia merupakan sistem dalam talian bagi mengurus, memantau dan mengukur prestasi pencapaian Inisiatif MESTECC 2020 dan boleh diakses melalui telefon bimbit para Pegawai MESTECC yang disasar dapat meningkatkan kecekapan pemantauan pelaksanaan kepada aktiviti-aktiviti inisiatif.

Sempena Pelancaran Inisiatif MESTECC itu juga, pelbagai acara dan program menarik diatur bertujuan untuk menyampaikan maklumat mengenai program, inisiatif dan aktiviti di bawah MESTECC bagi meningkatkan kerjasama erat dengan *stakeholders*, dan komuniti setempat. MESTECC turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik kepada para pengunjung antaranya ialah kaunter semakan rebat bil elektrik, STI Career Pathway Talk - Inspiring the Next Generation, MESTECC Education in School, *Science on Wheels, Makerspace, Explorace*, Stesen Permonitoran Sinaran Bergerak, Klinik Dana dan Klinik Insentif Hijau.

----- **TAMAT** -----

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat

MESTECC

Emel : noorhaniza@mestecc.gov.my

No. Tel: 03-88858084

Emel: suffian@mestecc.gov.my

No. Tel: 03-88858313

RINGKASAN INISIATIF MESTECC 2020 MENURUT SEKTOR

Sektor Tenaga

Dalam aspek tenaga, MESTECC akan memastikan supaya sektor tenaga menjadi sektor yang berdaya harap dan cekap. Sektor tenaga bertanggungjawab mengurus sumber tenaga secara strategik, memastikan ketelusan pasaran tenaga dan mengoptimumkan tenaga boleh baharu supaya rakyat dapat menikmati perkhidmatan bekalan elektrik yang berterusan, mampu bayar dan lestari.

Sektor Tenaga dengan **32 inisiatif**, memfokus kepada empat (4) bidang berikut iaitu :

- a) **Memperkasakan industri bekalan elektrik di Malaysia (MESI)** bagi menjamin kualiti perkhidmatan bekalan elektrik pada kos yang munasabah;
- b) **Memastikan kemampuan industri bekalan elektrik di Sabah (SESI)** supaya rakyat Sabah dapat menikmati bekalan elektrik yang berdaya harap melalui pelan-pelan pembangunan dan peningkatan infrastruktur pembekalan elektrik;
- c) **Meningkatkan sumbangan Tenaga Boleh Baharu (TBB) kepada 20%** dalam campuran penjanaan elektrik negara menjelang 2025 bagi menyokong kelestarian alam sekitar di samping membuka peluang ekonomi melalui penerokaan kepakaran baharu dalam bidang TBB; dan

- d) **Mencapai 8% penjimatan daripada kecekapan tenaga menjelang tahun 2025** melalui program-program galakkan dan kesedaran kepada pihak swasta, agensi Kerajaan dan orang awam.

MESTECC juga akan meningkatkan jumlah penerima rebat RM40 bil elektrik melalui pendaftaran Ketua Isi Rumah miskin dan miskin tegar yang sedia ada kepada syarikat utiliti. Selain itu, MESTECC juga akan membentangkan Rang undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga ke Parlimen tahun ini sebagai salah satu usaha mencapai 8% penjimatan tenaga daripada kecekapan tenaga menjelang 2025.

Sektor STI

Bagi aspek STI pula, MESTECC menumpukan usaha ke arah penciptaan kekayaan untuk rakyat melalui kemajuan sains dan teknologi. Ia dapat direalisasikan menerusi hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berbentuk *demand driven* bersama-sama industri serta peningkatan pengkomersialan teknologi, produk dan perkhidmatan ke pasaran.

Sektor STI dengan **31 inisiatif** mempunyai lima bidang fokus seperti berikut:

- a) **Pengukuhan tadbir urus bidang STI** melibatkan penggubalan akta seperti **Akta STI** dan **Rang Undang-undang Angkasa Malaysia** serta penyusunan semula struktur dan fungsi seperti **Pemeriksaan Majlis Sains Negara** dan **Penetapan Bidang Keutamaan Penyelidikan Nasional**;

- b) **Pengaplikasian STI** bagi membangunkan produk dan perkhidmatan yang berdaya maju seperti program **Pembangunan Roadmap Inovasi Sosial, I-Connect** dan **Pembangunan Satelit Penderiaan Jauh Negara**;
- c) **Pengukuhan dan pembekalan bakat STI** khususnya kepada pihak industri seperti program **RISE 2.0**;
- d) **Menyokong perkembangan industri perniagaan yang berasaskan teknologi**; dan
- e) Pembudayaan STI khususnya kepada pelajar sekolah melalui program-program berbentuk karnival dan *outreach* seperti **Minggu Sains Negara, ESTECC di sekolah** dan **Gamifikasi STEM**.

Antara inisiatif di bawah sektor STI yang bertujuan untuk memangkin pertumbuhan ekonomi melalui S&T adalah inisiatif penambahbaikan insentif cukai untuk R&D, serta pelaksanaan konsep *Funds of funds* untuk pembiayaan ekuiti bagi merancakkan lagi industri modal teroka negara.

Selain itu, 7 projek R&D di bawah 4 bidang strategik melalui platform I-Connect, satu rangkaian kerjasama *quadruple helix* Kerajaan, Industri, Penyelidik, dan Masyarakat, disasarkan untuk dimulakan.

Sebagai usaha membangun dan melatih bakat sedia ada, Program RISE 2.0 (Researcher-Industry Scientific Exchange) diperluaskan dengan sasaran 150 kolaborasi baru melalui Penyelidikan, Latihan, Pemindahan Teknologi dan Konsultasi.

Pembudayaan dan Pendidikan STEM juga satu bidang fokus yang penting untuk MESTECC dan kami mensasarkan penyertaan 2.1 juta orang dalam program seperti Minggu Sains Negara, ESTECC in School, ESTECC outreach dan lain-lain platform.

Sektor Alam Sekitar & Perubahan Iklim

MESTECC terus komited memastikan alam sekitar yang bebas daripada pencemaran serta berdaya tahan terhadap perubahan iklim. Ke arah usaha ini, MESTECC giat memimpin negara ke arah masa depan yang bebas plastik, mengurangkan pencemaran melalui pendidikan dan penguatkuasaan serta menyediakan negara untuk menangani perubahan iklim melalui tindakan adaptasi dan mitigasi.

Sektor Alam Sekitar mempunyai **40 inisiatif** yang memberi fokus untuk menerajui kelestarian alam sekitar demi kemakmuran bersama melalui:

- a) **Memperkukuhkan tadbir urus, kerangka dan penguatkuasaan** undang-undang serta dasar berkaitan alam sekitar dan perubahan iklim seperti **semakan semula** Dasar Alam Sekitar Negara 2002 dan Akta Kualiti Alam Sekeliling selain menambahbaik prosedur EIA;
- b) **Memperkasakan institusi** di bawah Sektor Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dengan mengoptimumkan penggunaan sumber dan teknologi seperti **penubuhan Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negara** dan **reformasi Jabatan Alam Sekitar**;
- c) **Merancakkan pertumbuhan ekonomi negara** melalui program

***Green Financing* dan Insentif Teknologi Hijau;**

- d) **Meningkatkan keterangkuman sosial dan kelestarian alam sekitar** melalui pelaksanaan program kesedaran awam dan kesiapsiagaan menghadapi bencana *heatwave* dan jerebu; dan
- e) **Memantapkan kolaborasi strategik** dan jaringan kerjasama antarabangsa, serantau dan dalam negara melalui pelbagai program yang telah dikenalpasti.

Antara contoh inisiatif untuk Sektor Alam Sekitar dan Perubahan Iklim termasuk pengukuhan tadbir urus dan institusi JAS, di mana MESTECC akan menyemak dan mengemaskini Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

Selain itu, pelan tindakan reformasi JAS serta Pelan Antirasuah Organisasi JAS juga merupakan salah satu inisiatif tahun ini. Penguatkuasaan JAS juga ditingkatkan di mana tahun ini, sasaran untuk JAS adalah untuk melaksanakan 30,000 tindakan penguatkuasaan, berbanding 18,000 daripada tahun 2019, berbanding hanya 8,000 tindakan pada tahun 2018.

Sebagai komitmen Malaysia dalam menghadapi impak perubahan iklim, MESTECC akan memperluaskan skop Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) kepada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGCC) serta menubuhkan Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negara. MESTECC juga akan mula menyediakan Pelan Adaptasi Perubahan Iklim negara tahun ini.

Bagi memangkin pertumbuhan ekonomi hijau pula, MESTECC akan melaksanakan syor-syor daripada *Green Financing Taskforce* dalam sektor Tenaga Boleh Baharu, yang diketuai oleh Suruhanjaya Sekuriti tahun lepas. Selain itu, satu Pelan Halatuju Ekonomi Kitaran Sektor Plastik juga akan dibangunkan tahun ini.

Program kesedaran awam berkenaan alam sekitar dan perubahan iklim khususnya akan dipergiatkan dengan penglibatan para pelajar dan kumpulan belia.

Sektor Perancangan Strategik & Antarabangsa (PSA) dan Sektor Pengurusan

30. Sektor PSA dengan **14 inisiatif** membantu MESTECC melaksanakan fungsinya menerusi:

- a) **Pemantapan tadbir urus organisasi** melalui perancangan, pemantauan dan penilaian seperti pelaksanaan **Pelan Strategik MESTECC 2021-2025**;
- b) Memperkasakan platform kolaborasi strategik dengan penggubalan dan pelaksanaan **Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (DSTIN) 2021-2030**, **KRESTE.MY** dan **Malaysia Open Science Platform (MOSP)**; dan
- c) **Meningkatkan keterlibatan strategik di peringkat antarabangsa** menerusi pelbagai program kolaborasi dengan negara-negara luar seperti China, USA, Jepun dan Rusia.

31. Sektor Pengurusan pula dengan **13 inisiatif** akan memperkukuhkan peranan MESTECC melalui pelaksanaan inisiatif- berikut:

- a) **Membudayakan kualiti kerja serta nilai-nilai murni** di kalangan warga MESTECC melalui penambahbaikan proses kerja perolehan serta mengurangkan birokrasi bagi proses/prosedur kerja yang melibatkan syarikat luar/orang awam;
- b) **Memperkukuhkan komunikasi dan publisiti MESTECC** dengan meningkatkan penjenamaan MESTECC serta mengukuhkan hubungan harmoni dengan media; dan
- c) **Meningkatkan kepuasan pelanggan MESTECC.**

Tamat.